



KEJERNIHAN air sungai yang menggamit kedatangan para pengunjung.

# Sahutan **unggas** hutan

Apakah kelainan yang ditawarkan oleh Impian Country Resort, Kampung Semunggis, di Hulu Langat ini?

**T**EKANAN setelah lima hari bekerja seringkali membuatkan fikiran ligat memikirkan tempat untuk bersantai hujung minggu bersama keluarga atau pun rakan-rakan demi mencari ketenangan diri.

Sudah tentu kedamaian yang diiringi sahutan dan keriuhan unggas hutan serta deruan air sungai yang jernih menjadi pilihan merehatkan minda daripada hiruk pikuk kesibukan kota.

Malah, sekiranya anda telah biasa dengan kesejukan air sungai seperti Sungai Congkak, Sungai Gabai, Tekala, anda boleh mencari kelainan di Impian Country Resort, Kampung Semunggis, Hulu Langat.

Tanpa perlu letih memandu kerana lokasinya hanya terletak 10 kilometer dari Kuala Lumpur, perjalanan kira-kira 30 minit itu akan membuatkan diri teruja untuk menikmati keindahan bumi hijau di alam rimba yang pastinya menjanjikan kedamaian abadi.

Tatkala menyusuri ke pintu gerbang Impian Country Resort, rimbunan pepohon di kiri kanan jalan sesekali disapa oleh monyet yang bergayutan menjadi lambaian selamat datang yang penuh kehangatan.

Seolah tiada perkataan yang mampu dilafazkan, hati pasti terasa damai apabila mata dan telinga dijamu dengan pemandangan dan



PEMANDANGAN resort turut memukau pandangan pengunjung.

deruan air sungai yang cukup mengasyikkan.

Bukan sahaja sesuai sebagai lokasi untuk merehatkan minda tatkala mata dijamu kehijauan flora, malah kanak-kanak turut merasai keseronokan bermain air dan berkejaran di kawasan lapang. Mungkin bermain masak-masak sesama sendiri atau bermain perang-perang.

Kejernihan air sungai dari Hutan Semunggis Hulu Langat pasti memberikan kesegaran pada setiap pengunjung. Malah, gelak ketawa kanak-kanak yang bebas bermandi-mandi di situ cukup menggambarkan kenikmatan air sungai itu.

Malah di sini juga pengunjung berpeluang merasai betapa seronok dan segarinya menikmati angin malam. Keinginan tersebut mampu dipenuhi di sini dengan pakej-pakej menarik.

Menurut pengusahanya, Warno Katiman, harga bagi setiap bilik amat berpatutan dan mengikut harga semasa iaitu dari serendah RM50 hingga RM90 sebilik atau semalaman.

"Kami menyediakan tiga jenis bilik yang berlainan kemudahan, iaitu bilik KMS, Cempaka dan Angsana yang sememangnya menjanjikan keselesaan walaupun berbeza harga dan lokasi," ujarnya.

Menariknya, jika anda ingin





IMPIAN Country Resort sentiasa menanti kunjungan para pelancong asing.

◀ menyewa pakej bilik yang disediakan untuk tempoh sehari, resort ini menawarkan pakej separuh harga bagi setiap bilik yang ingin disewa.

Menjadikan resort ini lebih unik apabila wakaf-wakaf rehat dibina di sepanjang kiri dan kanan sungai. Ia bertujuan memberi peluang pengunjung menikmati keindahan kawasan itu dengan lebih dekat.

Di samping itu, batu-batu sungai yang disusun atur dengan gaya tersendiri turut memberi kemudahan kepada pengunjung untuk terus menikmati air sungai yang sejuk dan nyaman itu.

Tidak ketinggalan kemudahan

ruang solat, tempat lapang untuk beriadah peralatan untuk membuat barbeku turut disediakan dengan harga yang berpatutan.

Usah bimbang sekiranya anda tidak berkesempatan menyediakan bekalan makanan. Ini kerana Impian Country Resort turut menyediakan gerai-gerai makanan.

Walaupun hidangannya tidak segar hotel lima bintang, namun hidangan yang tersaji pastinya menyelerakan.

Lengkapkan percutian anda dengan kenangan menikmati pemandangan matahari terbenam. Perjalanan ke puncak bukit itu hanya mengambil masa sejam dan

anda akan di bawa oleh pihak pengurusan.

Bagi kaki pancing pula, usah risau kerana di sini juga anda boleh menjalankan aktiviti kegemaran kerana terdapat pelbagai jenis ikan sedia menanti untuk dipancing. Antara ikan yang pasti menguja umpan pancing anda ialah talapia, tengal dan butir atau dikenali sebagai ikan temperan.

Tidak sekadar untuk tujuan percutian, Impian Country Resort turut direka khas untuk program-program akademik, jati diri dan motivasi pelajar mahupun para pekerja.

“Impian sering menjadi pilihan banyak agensi untuk menjalankan program peningkatan diri di kalangan pelajar dan pekerja swasta dan kerajaan. Ini kerana harga yang ditawarkan cukup berpatutan di samping kesesuaian kawasan dan kemudahan yang ada,” jelasnya.

**Tempat:** Impian Country Resort, Kampung Semunggis, Batu 14, Hulu Langat, Selangor

**Jarak dari Kuala Lumpur:** 10 kilometer

**Tel:** 013-351 6189 (Warno)